

## Saran reformasi perundangan bersihkan sistem kerajaan

**SHAH ALAM** - Reformasi perundangan bagi membersihkan sistem kerajaan dan pentadbiran negara perlu segera dilakukan.

Profesor Sains Politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Jayum Jawan berkata, dengan peningkatan kes melibatkan rasuah dan salah guna kuasa, kerajaan perlu melaksanakan perubahan.

"Ini masa yang tepat untuk melaksanakannya kerana Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sinonim dengan reformasi.

"Kerajaan perlu melakukan pembaharuan yang melibatkan banyak aspek bukan sahaja berkenaan isu korupsi.

"Mereka mempunyai majo-

riti yang cukup untuk membuat pindaan kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan derma politik dan memberi kuasa penuh kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) supaya mampu menyiasat dan mendakwa mereka yang disyaki bersalah tanpa campur tangan mana-mana pihak," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, usaha baik untuk membersihkan nama negara menemui kesalahan apabila Perdana Menteri melantik anak sendiri ke jawatan penting secara pro bono.

Setakat kini, katanya, dua lantikan pro bono telah ditiru pihak tertentu yang juga melantik anak sendiri ke jawatan penting.

"Jika dikaji daripada pelbagai



“

*Ini masa yang tepat untuk melaksanakannya kerana Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sinonim dengan reformasi.*

- Jayum Jawan

sudut, terdapat sebilangan ahli keluarga yang dilantik ke pelbagai jawatan dalam parti dan dalam Dewan Rakyat.

"Namun, pemilihan tersebut bukan bermakna ia benar dan berintegriti serta tinggi etikanya, sebaliknya Kerajaan Perpaduan

harus membuktikan kesungguhan dalam membanteras amalan rasuah," ujar beliau.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, pasukan Rasuah Busters mengemukakan enam tuntutan kepada kerajaan melalui Perdana Menteri untuk

menggesa reformasi perundangan, institusi dan moral dilakukan dengan segera bagi merealisasikan aspirasi Madani berintegriti serta bebas korupsi.

Enam tuntutan pasukan Rasuah Busters ialah pelaksanaan pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya, segerakan pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan keperluan akta pendanaan politik.

Selain itu, perubahan transformasi menyeluruh dalam SPRM, kebebasan badan kehakiman negara melalui pindaan Akta Suruhanjaya Kehakiman 2009.

Di samping itu, saranan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional dan reformasi nilai sebagai teras pembangunan.